



SIARAN AKHBAR

\*UNTUK SIARAN SEGERA

## PENANG 2<sup>ND</sup> BRIDGE LOYALTY PROGRAM

*Kempen menjelang ulang tahun ke-10 Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah*

**Batu Kawan, Pulau Pinang, 8 Ogos 2023:** Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB; syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan dan Pemegang Konsesi Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, JSAHMS) hari ini melancarkan kempen "**Penang 2<sup>nd</sup> Bridge Loyalty Program**" untuk mendorong para pengguna memenangi pelbagai hadiah menarik ketika melalui jambatan berkenaan.

Kempen ini berlangsung selama enam (6) bulan bermula **10 Ogos 2023 hingga 9 Februari 2024** dan terbuka kepada semua pengguna Individu dan Komersil. Pemenang bertuah berpeluang untuk memenangi **Baucar Barangan bernilai RM1,200, Telefon Pintar Redmi Note** serta hadiah utama **Televisyen Pintar 55 inci (55")**, tertakluk pada terma dan syarat kempen.

Ketua Pegawai Eksekutif JKSB, Encik Faisal Shahbudin berkata, kempen berkenaan diperkenalkan buat julung kalinya sempena **ulang tahun ke-10 JSAHMS** yang bakal disambut pada 1 Mac 2024. Ia bertujuan untuk menggalakkan pengguna melalui jambatan berkenaan sekaligus meningkatkan jumlah trafik sedia ada.

Kempen "**Penang 2<sup>nd</sup> Bridge Loyalty Program**" akan berlangsung dalam 3 pusingan iaitu Pusingan Pertama pada 10 Ogos 2023 hingga 9 Oktober 2023, Pusingan Kedua pada 10 Oktober 2023 hingga 9 Disember 2023 dan Pusingan Ketiga (Akhir) pada 10 Disember 2023 hingga 9 Februari 2024.

Pengguna perlu melalui Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah minimum sebanyak 50 kali (kategori individu) dan 100 kali (kategori komersil) dalam tempoh 2 bulan untuk pusingan pertama. Pemenang akan dipilih menerusi penyertaan yang tertinggi. Penyata Transaksi *Touch N Go* dan *E-Wallet* juga perlu dihantar secara atas talian atau secara manual di Pejabat Operasi JKSB di Batu Kawan.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai kempen "**Penang 2<sup>nd</sup> Bridge Loyalty Program**", sila layari laman sesawang kami di <https://www.jambatankedua.com.my/jksb-loyalty-campaign>

-- TAMAT --



**About / Info Korporat:**

Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB), a company under Minister of Finance Incorporated, was established in August 2008 to design, construct, manage, operate and maintain the Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah in Pulau Pinang.

*Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB) ialah syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan, diwujudkan pada Ogos 2008 untuk mereka bentuk, mentadbir dan mengendali Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah di Pulau Pinang.*

**Enquiries / Untuk Pertanyaan Lanjut, Sila hubungi:**

**Encik Taha Rusydi Mohd Nazri**

Head, Corporate Communications / [Ketua Jabatan Komunikasi Korporat](#)

Jambatan Kedua Sdn Bhd

012-273 7685

[taha\\_rusydi@jambatankedua.com.my](mailto:taha_rusydi@jambatankedua.com.my)